



POLISI ANTI RASUAH

MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

POLISI ANTI RASUAH VER 2.0

**MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH
HAK CIPTA UNIT INTEGRITI MBMB 2023**

POLISI ANTI RASUAH VER 2.0

KANDUNGAN

KENYATAAN POLISI ANTI RASUAH	01
Pengenalan	02
TUJUAN	
PEMAKAIAN	
TAKRIFAN	04
HADIAH	
RASUAH	
SUAPAN	
SUMBANGAN	
WARGA KERJA MBMB	
AJLI MAJLIS	
PIHAK KETIGA	
Objektif	07
TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN	08
PENGURUSAN ATASAN	
WARGA MBMB	
KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH AKTA	09
PENCEGAHAN RASUAH 2009 (AKTA 694)	
SUAPAN	
TUNTUTAN PALSU	
SALAH GUNA KUASA	
PERATURAN BERKAITAN HADIAH	14

KANDUNGAN

PERLAKSANAAN “INTEGRITY PACT” DALAM PEROLEHAN	15
POLISI MEMBERI MAKLUMAT “ WHISTLEBLOWING POLICY”	16
PANDUAN APABILA BERHADAPAN DENGAN ISU PERLAKUAN RASUAH TOLAK LAPOR DIAM	18
SALURAN ADUAN	20
KEGAGALAN MELAPOR	21
PELAKSANAAN KETEKUNAN WAJAR (DUE DILIGENCE)	22
PEMANTAUAN	23
TARIKH KUATKUASA	23
PENUTUP	23
RUJUKAN	24

KENYATAAN POLISI ANTI RASUAH

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah komited untuk memastikan segala perkhidmatan dan tadbir urus dilaksanakan secara beretika, profesional dan berlandaskan undang-undang anti rasuah serta peraturan demi memberikan perkhidmatan yang cekap dan berintegriti kepada pihak berkepentingan di samping memastikan kawalan serta penambahbaikan dijalankan secara strategik dan berterusan sesuai dengan tujuan dan konteks MBMB.

Polisi Anti Rasuah MBMB ini dibangunkan sebagai satu dari inisiatif untuk menjadikan MBMB terulung dalam tadbir urus terbaik dengan menyediakan rangka kerja untuk menetapkan, menyemak dan mencapai objektif anti rasuah. Oleh itu, MBMB tidak akan berkompromi dalam sebarang bentuk salah laku RASUAH, SOGOKAN, SALAH GUNA KUASA dan TUNTUTAN PALSU sama ada secara langsung atau tidak langsung yang boleh menjejaskan imej dan reputasi MBMB.

MBMB juga komited dalam mematuhi segala peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan undang-undang lain yang berkaitan, dasar, pekeliling, peraturan, polisi dan prosedur yang telah ditetapkan bagi memastikan perkhidmatan berintegriti terpelihara.

Kejayaan MBMB untuk membanteras gejala rasuah, sogokan, salah guna kuasa dan tuntutan palsu di dalam MBMB memerlukan komitmen dan peranan semua pihak untuk membuat penambahbaikan berterusan kepada Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) ISO 37001. Sekiranya terdapat mana-mana individu yang disyaki melakukan rasuah, salah guna kuasa dan tuntutan palsu, aduan boleh dibuat berdasarkan polisi yang telah ditetapkan oleh MBMB supaya tindakan sewajarnya boleh diambil. Identiti dan maklumat peribadi pemberi maklumat akan dilindungi dan disimpan secara rahsia serta tidak akan didedahkan.

MBMB akan menjelaskan kuasa dan kebebasan Jawatankuasa Anti Rasuah dalam menjalankan fungsi pematuhan anti rasuah serta menjelaskan akibat yang akan diterima sekiranya polisi anti rasuah tidak dipatuhi.

YBhg. Datuk Hj Shadan Bin Hj Othman
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

Tarikh : 06 November 2023

PENGENALAN

Polisi Anti Rasuah Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) ini diwujudkan bagi menerangkan dasar MBMB mengenai peraturan serta larangan terhadap sebarang aktiviti berbentuk rasuah, salah guna kuasa dan tuntutan palsu yang berpotensi untuk berlaku dalam menjalankan tugas seharian. Polisi ini juga adalah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan lain-lain akta serta peraturan yang berkaitan dan sedang berkuatkuasa.

Polisi Anti Rasuah MBMB ini juga menjadi kerangka utama terhadap prosedur bagaimana MBMB boleh menangani kes-kes rasuah, salah guna kuasa, dan tuntutan palsu di mana garis panduan yang disediakan adalah untuk mencegah berlaku aktiviti rasuah daripada berakar umbi.

Sekiranya polisi ini diabaikan atau tidak dipatuhi dengan berkesan, tindakan menurut tatatertib MBMB atau hukuman mengikut undang-undang boleh dikenakan tanpa ragu sebagai peringatan kepada warga kerja MBMB.

Tujuan

Polisi ini diwujudkan untuk menjadi sumber rujukan mengenai pelaksanaan rasuah, mekanisme pelaporan dan pencegahan rasuah.

Pemakaian

Polisi ini terpakai kepada semua Pegawai, Warga Kerja MBMB dan Ahli Majlis. Selain itu, ia turut terpakai kepada semua kontraktor, pembekal, sub kontraktor, konsultan, ejen, wakil dan lain-lain pihak yang menjalankan kerja atau perkhidmatan untuk atau bagi pihak MBMB di mana kesemua pihak tersebut perlu mematuhi bahagian yang berkaitan dengan polisi ini apabila melakukan sesuatu kerja atau perkhidmatan.

TAKRIFAN

HADIAH

Hadiah termasuklah wang, harta alih atau tak alih, kenderaan, tambang percuma, saham, hamper, barang kemas, perhiasan, apa-apa pemberian, cenderamata, atau apa-apa benda yang bernilai yang diberi kepada atau mana-mana orang lain, bagi pihaknya daripada mana-mana orang, dengan tiada balasan (without consideration) atau balasan yang diketahui oleh pegawai itu tidak mencukupi ataupun mencukupi.

RASUAH

Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan berkaitan dengan tugas rasmi.

SUAPAN

Perbuatan sama ada menawar, meminta atau menerima seperti wang, hadiah dan sebagainya sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu yang ada kaitan dengan bidang tugas individu tersebut.

Penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah dan diskaun.

SUMBANGAN

Hadiah, sumbangan, langganan, geran, tawaran, ganjaran, hibah atau sumbangan lain yang istimewa yang boleh dianggap oleh pihak ketiga untuk tujuan rasuah walaupun pemberi atau penerima tidak bermaksud untuk tujuan ini. Ia boleh termasuk memberi atau menyediakan wang tunai, tempat, peralatan, masa atau faedah lain.

WARGA KERJA MBMB

Pegawai dan anggota yang berkhidmat di MBMB sama ada melalui lantikan tetap, kontrak, sementara, pinjaman atau sambilan.

AHLI MAJLIS

Seseorang yang dilantik untuk berkhidmat dalam pihak berkuasa tempatan itu dan termasuklah Datuk Bandar.

PIHAK KETIGA

Mana-mana individu atau organisasi yang dihubungi atau berurusan dengan pihak MBMB semasa waktu kerja atau luar waktu kerja; termasuk para pelanggan, pembekal, kontraktor, konsultan, ejen, wakil dan lain-lain pihak yang menjalankan kerja atau perkhidmatan untuk atau bagi pihak MBMB.

OBJEKTIF

01

Memberi penerangan berhubung kesalahan-kesalahan yang terdapat dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Memberi panduan berhubung tindakan yang wajar diambil apabila berhadapan dengan situasi perlakuan rasuah dan salah guna kuasa.

02

03

Memastikan semua aduan berhubung kelakuan tidak wajar yang diuruskan dengan cekap dan telus mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Mewujudkan warga kerja MBMB yang berintegriti dan bebas rasuah sebagai dasar yang kukuh bagi mencapai matlamat organisasi untuk menyampaikan perkhidmatan yang cekap secara berterusan.

04

TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

PENGURUSAN ATASAN

Membuat pemantauan menyeluruh serta memberi tumpuan kepada komunikasi dalaman supaya dapat mengambil tindakan proaktif dalam menangani gejala rasuah.

WARGA KERJA MBMB

- Melaporkan sekiranya terdapat aktiviti rasuah kepada saluran yang telah disediakan. Identiti pemberi maklumat akan dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711);
- Memahami Polisi Anti Rasuah MBMB;
- Memberi kerjasama sepenuhnya semasa prosiding siasatan dijalankan; dan
- Menghadiri latihan berkaitan pematuhan Polisi Anti Rasuah.

KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN RASUAH 2009 (AKTA 694)

SUAPAN

Seksyen 16: Kesalahan Menerima Suapan

Mana-mana orang yang sendiri atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain -

- secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain
- secara rasuah memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain

Mana-mana orang secara rasuah memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan atau upah bagi melakukan.

Seksyen 17: Kesalahan Memberi atau Menerima Suapan Oleh Ejen

Seseorang melakukan kesalahan jika -

- Mana-mana orang sebagai ejen secara rasuah bersetuju untuk menerima atau memperoleh daripada mana-mana orang untuk dirinya atau orang lain, apa-apa suapan sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya.
- Mana-mana orang sebagai seorang ejen memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya.

Seksyen 21: Kesalahan Menyogok Pegawai Badan Awam

Mana-mana orang yang menawarkan kepada seseorang pegawai mana-mana badan awam atau sebagai seorang pegawai mana-mana badan awam, meminta atau menerima apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa hak atau peluang yang berbuat demikian, atau menerima suapan itu tanpa niat yang berbuat demikian, atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada hubungan hal ehwal badan awam itu.

KESALAHAN DAN HUKUMAN DI SEKSYEN 24 DI BAWAH AKTA 694

Mana-mana anggota yang melakukan kesalahan dibawah seksyen 16, 17, dan 21 apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman seperti berikut:

AKTA	HUKUMAN
Seksyen 16, 17 dan 21 Akta SPRM 2009 (Akta 694)	Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai rasuah atau RM 10,000 yang mana lebih tinggi

Warga kerja MBMB yang terlibat boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga buang kerja kerana melanggar tatakelakuan di bawah Kaedah 7(2) (a), (b), (c), (f) dan (g), Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Bandaraya Melaka Bandaraya Bersejarah (Kelakuan dan Tatatertib) 2008.

TUNTUTAN PALSU

Seksyen 18 : Kesalahan Dengan Maksud Untuk Memperdayakan Prinsipal Oleh Ejen

Seseorang individu menggunakan atau mengemukakan apa-apa tuntutan yang mempunyai butiran atau maklumat palsu dengan niat untuk memperdayakan prinsipalnya (majikan/jabatan).

AKTA	HUKUMAN
Seksyen 18 Akta SPRM 2009 (Akta 694)	Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai rasuah atau RM10,000 yang mana lebih tinggi

Warga MBMB yang terlibat boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga buang kerja kerana melanggar tatakelakuan di bawah Kaedah 7(2) (a), (b), (c), (f) dan (g), Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (Kelakuan dan Tatatertib) 2008.

SALAH GUNA KUASA

Seksyen 23 : Kesalahan Menggunakan Jawatan atau Kedudukan Untuk Suapan

Seseorang individu menggunakan jawatan atau kedudukan rasmi dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung dengan sesuatu yang mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan.

AKTA	HUKUMAN
<p>Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)</p>	<p>Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai rasuah atau RM 10,000 yang mana lebih tinggi</p>

Warga MBMB yang terlibat boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga buang kerja kerana melanggar tatakelakuan di bawah Kaedah 7(2) (c), (f) dan (g), Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (Kelakuan dan Tatatertib) 2008.

PERATURAN BERKAITAN HADIAH

Warga kerja MBMB tidak boleh meminta atau menerima sebarang bentuk hadiah daripada mana-mana orang lain yang mempunyai hubungan dengan tugas rasminya. Seseorang anggota juga tidak boleh menerima hadiah yang tidak sepadan dengan maksud ianya diberikan atau diterima dengan niat rasuah atau jenayah.

Sekiranya anggota MBMB tersebut berada dalam keadaan di mana pemberian hadiah itu sukar ditolak, anggota tersebut boleh menerimanya tetapi hendaklah melaporkan secara bertulis kepada Datuk Bandar untuk mendapatkan kelulusan.

Datuk Bandar apabila menerima laporan tersebut, boleh membuat keputusan seperti berikut;

- A) Membenarkan anggota tersebut menyimpan hadiah itu; atau
- B) Mengarah anggota tersebut supaya hadiah itu dikembalikan melalui Ketua Jabatan itu, kepada pemberinya.

Perkara yang melarang anggota MBMB memberi dan menerima hadiah ini diperuntukkan di bawah Kaedah 12, Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (Kelakuan dan Tatatertib) 2008.

PELAKSANAAN “INTEGRITY PACT” DALAM PEROLEHAN

- Satu proses pengisytiharan oleh pembida / orang awam untuk tidak menawar atau memberi rasuah bagi mendapatkan kontrak atau sebagai ganjaran mendapatkan sesuatu kontrak bagi mempercepatkan sesuatu urusan Perolehan Kerajaan.
- Pembida atau orang awam perlu menandatangani satu persetujuan atau perjanjian untuk menggariskan tindakan-tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku pelanggaran persetujuan tersebut.
- Pelaksanaan “Integrity Pact” adalah selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia

PIHAK YANG PERLU MENANDATANGANI “INTEGRITY PACT”

PEGAWAI DAN ANGGOTA MBMB YANG TERLIBAT DALAM PEROLEHAN	AHLI LEMBAGA / JAWATANKUASA PEROLEHAN
PEMBIDA	PERUNDING
AHLI JAWATANKUASA BERKAITAN ;	
<i>Jawatankuasa Spesifikasi</i>	<i>Jawatankuasa Pembuka Sebutharga / Tender</i>
<i>Jawatankuasa Penilaian</i>	<i>Jawatankuasa Rundingan Harga dan lain-lain jawatankuasa yang berkaitan</i>

POLISI PEMBERI MAKLUMAT “WHISTEBLOWING POLICY”

Menggalakkan warga kerja MBMB melaporkan pelanggaran tatakelakuan atau sebarang kes rasuah, salah guna kuasa dari penyelewengan.

Identiti dan maklumat peribadi pemberi maklumat akan dilindungi dan disimpan secara rahsia serta tidak akan didedahkan.

Perlindungan kepada Pemberi Maklumat mempunyai 3 aspek utama iaitu perlindungan maklumat sulit sebagaimana Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) iaitu:

Orang yang diadukan melakukan kelakuan tidak wajar;

Mana-mana orang lain dinamakan dalam pendedahan kelakuan tidak wajar;

Mana-mana orang lain dinamakan dalam pendedahan kelakuan tidak wajar;

TATACARA PELAKSANAAN

Setiap aduan, laporan atau maklumat boleh disalurkan melalui surat, emel atau telefon sebelum perjumpaan bersemuka dijalankan seperti;

- **Surat** : Unit Integriti MBMB
- **Emel** : aduanintegriti@mbmb.gov.my
- **Sistem Aduan** : aduanintegriti.mbmb.gov.my
- **Telefon** : 06-285 9700 sambungan 9755 / 9749

Pemberi maklumat perlu memberikan maklumat yang berikut:

- Keterangan salah laku, penyelewengan, penipuan atau yang berkaitan
- Bagaimana ia dilakukan atau terjadi
- Nama kakitangan terlibat
- Masa, tempat dan tarikh kejadian
- Nama saksi
- Dokumentasi dan rekod yang terlibat
- Alamat emel yang dihubungi

DASAR PELAKSANAAN

- Menggalakkan anggota MBMB, pelanggan dan orang ramai melaporkan apa-apa kelakuan yang menyalahi undang-undang ke Bahagian Integriti MBMB.
- Dasar ini diwujudkan untuk memastikan bahawa setiap pemberi maklumat dilindungi.
- Pemberi maklumat akan dilindungi daripada dibuang kerja atau dihukum oleh MBMB.

PANDUAN APABILA BERHADAPAN DENGAN ISU PERLAKUAN RASUAH

TOLAK

Mana-mana pegawai atau anggota MBMB yang ditawarkan, diberi atau diminta rasuah hendaklah mengambil tindakan dengan menolak tawaran tersebut dan segera melaporkan kepada pegawai di Unit Integriti MBMB.

Sekiranya mana-mana menerima arahan pihak atasan untuk melakukan atau bersubahat dalam melakukan kesalahan rasuah ataupun perkara yang tidak mengikut undang-undang dan peraturan, pegawai atau anggota MBMB tersebut hendaklah menolak arahan tersebut dan segera melaporkan perkara itu kepada pegawai di Unit Integriti MBMB.

LAPOR

Mana-mana pegawai atau anggota MBMB yang mengetahui sesuatu kesalahan rasuah atau perkara-perkara yang tidak mengikut undang-undang dan peraturan telah, sedang atau akan berlaku, hendaklah segera melaporkan kepada pegawai di Unit Integriti MBMB.

Mana-mana pegawai atau anggota MBMB diberitahu oleh mana-mana pihak berkaitan berlakunya kesalahan rasuah, maka pegawai atau anggota MBMB tersebut hendaklah segera melaporkan kepada pegawai Unit Integriti MBMB.

Nasihat dan panduan sewajarnya akan diberikan oleh Unit Integriti MBMB berkaitan perkara yang dilaporkan.

DIAM

Mana-mana pegawai atau anggota MBMB yang telah membuat pelaporan berkaitan kesalahan rasuah, tuntutan palsu dan salah guna kuasa hendaklah tidak mendedahkan pelaporan berkenaan kepada mana-mana pihak lain. Ini bertujuan bagi memastikan dan melindungi apa-apa keterangan dan bahan bukti berkaitan kesahan tersebut daripada terjejas atau dimusnahkan.

Pegawai atau anggota MBMB berkenaan juga hendaklah turut merahsiakan identiti dan butiran mengenai pihak yang memberitahu kepadanya berkaitan suatu kesalahan rasuah, tuntutan palsu dan salah guna kuasa itu daripada mana-mana pihak lain. Ini bertujuan untuk melindungi pemberitahun itu daripada sebarang bentuk tindakan yang memudaratkan.

SALURAN ADUAN

Sebarang aduan sila laporkan melalui saluran berikut:



Hadir Sendiri

Berjumpa dengan Ketua Unit Integriti



E-mel &
Sistem Aduan

Email : aduanintegriti@mbmb.gov.my
Sistem Aduan : aduanintegriti.mbmb.gov.my



Surat Aduan

Ketua Unit Integriti
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
(MBMB) Graha Makmur No.1 Jalan Tun
Abdul Razak - Ayer Keroh 75450 Melaka



Hubungi

Ketua Unit Integriti
Telefon : 06-285 9700 sambungan 9755 / 9749

KEGAGALAN MELAPOR

Akta SPRM 2009 (Akta 694) memperuntukkan kegagalan melaporkan rasuah merupakan kesalahan berikut:

- **Gagal melaporkan pemberian atau tawaran suapan di bawah Seksyen 25 (1) dan (2) Akta SPRM 2009 (Akta 694); denda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali**
- **Gagal melaporkan permintaan atau memperoleh suapan di bawah Seksyen 25 (3) dan (4) Akta SPRM 2009 (Akta 694); denda tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali.**

PELAKSANAAN KETEKUNAN WAJAR (DUE DILIGENCE)

TAPISAN DALAMAN

Bercuti keluar Negara
Permohonan pekerjaan luar
Perisytiharan harta
Pengesahan dalam perkhidmatan
Pertukaran
Pengambilan pekerja baru
Tahap keberhutangan
Kenaikan pangkat
Penempatan

TAPISAN LUARAN

Data pesalah rasuah melalui laman sesawang
www.sprm.gov.my

PEMANTAUAN

- Unit Integriti akan memantau keberkesanan dan mengkaji semua dari masa ke semasa pelaksanaan polisi ini, serta mempertimbangkan kesesuaian, kecekapan dan keberkesanannya.
- Sebarang penambahbaikan yang dikenal pasti akan dibuat secepat mungkin.
- Sistem dan prosedur kawalan dalaman akan tertakluk kepada audit dalaman bagi memberi jaminan bahawa ia adalah berkesan.

TARIKH KUATKUASA

Serta merta mulai daripada tarikh ia dikeluarkan

PENUTUP

Pematuhan terhadap Polisi Anti Rasuah ini dapat mencapai “zero tolerance towards corruption” seterusnya menjadi pemangkin kepada kecekapan kepada ketelusan pengurusan berteraskan prinsip governans, integriti dan anti rasuah.

RUJUKAN

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

Seksyen 165 Kanun Keseksaan (Akta 574) – penjawat awam menerima benda berharga

Seksyen 213-215 Kanun Keseksaan (Akta 574) – mengambil hadiah, menawarkan hadiah

Seksyen 403-409 Kanun Keseksaan (Akta 574) – pecah amanah jenayah

Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 mengenai Pemantapan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan

Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023

Kaedah-Kaedah Pegawai MBMB (Kelakuan dan Tatatertib) 2008

Akta 711: Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2020

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia



MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH



Unit Integriti MBMB

aduanintegriti@mbmb.gov.my

aduanintegriti.mbmb.gov.my